


Headline **Saham murah galakkan Bursa ditutup kukuh**
Date **21 Apr 2010**
MediaTitle **Utusan Malaysia**
Section **Ekonomi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **197,952 / 833,287**

Language **Malay**
Page No **L-25**
Article Size **143 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,863**
PRValue **5,590**



Saham murah galakkan Bursa ditutup kukuh

KUALA LUMPUR 20 April - Harga saham di Bursa Malaysia ditutup tinggi hari ini berikutan aktiviti belian saham murah yang berterusan dalam saham wajaran tinggi terpilih selepas pembetulan semalam, kata para peniaga. Seorang daripada peniaga berkata beberapa keputusan korporat yang baik yang dijangka diumumkan lewat hari ini turut menyumbang kepada kebanyakan kenaikan.

Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) naik 9.23 mata untuk ditutup kepada 1,335.9, disokong oleh kenaikan kebanyakannya dalam CIMB Group.

FBM KLCI yang dibuka 2.86 mata lebih tinggi pada 1,329.53, bergerak antara 1,329.37 dan 1,335.9 semasa dagangan hari ini.

Indeks Kewangan meningkat 131.979 mata kepada 12,014.56, Indeks Perladangan naik 21.37 mata kepada 6,515.08, Indeks Perusahaan menokok 14.92 mata kepada 2,769.68 manakala

Indeks FBM Emas menambah 66.341 mata kepada 9,052.36.

Kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 456 berbanding 230 manakala 293 kaunter tidak berubah, 384 tidak diniagakan dan 29 yang lain digantung.

Jumlah dagangan turun kepada 796.609 juta saham bernilai RM1.218 bilion daripada 812.973 juta saham bernilai RM1.21 bilion semalam.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama turun kepada 611.405 juta saham bernilai RM1.179 bilion daripada 645.018 juta saham bernilai RM1.149 bilion semalam.

Bagaimanapun, jumlah dagangan Pasaran ACE naik kepada 97.558 juta saham bernilai RM11.696 juta daripada 66.456 juta saham bernilai RM13.757 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan Waran turun kepada 67.172 juta unit bernilai RM13.532 juta daripada 72.032 juta unit bernilai RM14.096 juta semalam. Kaunter untung utama, Top Glove Corporation naik 40 sen kepada RM12.80, CIMB Group menokok 30 sen kepada RM14.24 manakala Dutch Lady Milk meningkat 22 sen kepada RM12.30.

Di kalangan kaunter cergas, Privasia Technology menambah satu sen kepada 10 sen, KNM Group turun setengah sen kepada 62 sen dan Scomi Group meningkat 2.5 sen kepada 48.5 sen. Saham Bursa naik dua sen kepada RM7.60.

Barangan pengguna menyumbang 27.118 juta saham yang diniagakan di Papan Utama, barangan perusahaan 201.683 juta, pembinaan 32.114 juta, perdagangan dan perkhidmatan 177.791 juta, teknologi 32.339 juta, prasarana 11.711 juta, kewangan 57.336 juta, hotel 14.334 juta, harta 42.062 juta, perladangan 13.195 juta, perlombongan 26,500, REITs 1.671 juta dan dana tertutup 25,000. - Bernama